

**Pemimpin 'Baju Merah' Sertai Kabinet Yingluck  
Bernama  
18 Januari, 2012**

BANGKOK, 18 Jan (Bernama) -- Pemimpin bersama kumpulan "Baju Merah" anti kerajaan, Nattawut Saikua adalah antara 10 muka baru yang dipilih menyertai Kabinet Thailand berikutan rombakan pentadbiran Perdana Menteri Yingluck Shinawatra.

Yingluck juga menggugurkan 10 anggota Kabinet manakala enam lagi ditukar portfolio dalam langkah memperkasakan barisan Kabinet berusia lima bulan itu.

Nattawut, yang memimpin penunjuk perasaan anti kerajaan terhadap kerajaan Abhisit Vejjajiva pada 2010, dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertanian.

Di bawah sistem pentadbiran Thailand, seorang timbalan menteri juga diiktiraf sebagai anggota Kabinet.

Anggota Kabinet lain termasuk bekas ketua Pegawai Eksekutif, syarikat telekomunikasi Thailand (Thaicom), Arrak Chonthanont (Menteri Tenaga) dan bekas timbalan menteri kewangan Suchart Thadadamrongwes sebagai Menteri Pendidikan.

Antara 10 anggota Kabinet yang digugurkan termasuk Timbalan Perdana Menteri, Jen.Pol. Kowit Wattana, Menteri Di Pejabat Perdana Menteri, Kritsana Srihalak, Menteri Kewangan Thirachai Phuvanatnaranubala, Menteri Perindustrian Warnnarat Charnnukul dan Menteri Tenaga, Pichai Nariphthapan.

Antara timbalan menteri yang digugurkan dalam rombakan Kabinet kali ini ialah Pornsak Charoenprasert (Pertanian), Kittisak Hatthasongkroa (Pengangkutan), Boonruen Srithares (Pendidikan), dan Torpong Chayasarn (Kesihatan Awam).

Timbalan Perdana Menteri Kittirat Na Ranong, yang juga Menteri Perdagangan, kini menerajui Kementerian Kewangan selain memegang jawatan timbalan perdana menteri.

Menteri Pertahanan Jen. Yuthasak Sasiprapa akan mengisi salah satu daripada lima jawatan Timbalan Perdana Menteri, manakala portfolio Pertahanan diambil alih oleh Menteri Pengangkutan, Ketua Marsyal Udara, Sukampol Suwannat.

Boonsong Teriyabhirom dinaikan pangkat dari timbalan menteri kewangan kepada Menteri Perdagangan manakala Menteri di Pejabat Perdana Menteri Surawit Konsomboon kini menjadi Timbalan Menteri Kesihatan Awam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641011>